

Kedah sukar siap RTB tanpa sokongan penduduk



Mukhriz bersama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (tiga dari kanan) **melihat sumbangan untuk mangsa banjir di Pantai Timur selepas melancarkan misi bantuan di Seri Mentaloon, semalam.** [FOTO AMRAN HAMID/BH]

Alor Setar: Kerajaan negeri mengakui sukar menyiapkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) khususnya untuk sekitar Kota Setar dan Pendang mengikut jadual kerana penduduk setempat enggan bekerjasama.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata lebih 1,000 penduduk yang mendiami kawasan tanah rizab sungai di dua lokasi berkenaan enggan berpindah bagi memberi laluan projek yang akan dibangunkan itu.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah meminta penduduk berpindah ke kawasan lebih selamat dengan menawarkan pampasan sewajarnya, namun ramai yang menolak dengan alasan pampasan tidak mencukupi.

“Kita sudah minta mereka pindah dan setuju untuk beri pampasan, tetapi ada yang kata ia tidak cukup, sedangkan kebanyakannya dirikan rumah atas tanah rizab sungai,” katanya selepas melancarkan misi bantuan banjir ke Pahang dan Kelantan di Seri Mentaloon, semalam.

2 tebatan banjir

Kedah dalam proses membina dua RTB iaitu di Sungai Kedah/Anak Bukit dan Sungai Pendang yang menelan belanja keseluruhan RM390 juta dengan fokus utama mengurangkan tekanan air dari mengalir ke bandar raya Alor Setar melalui pembinaan longkang baharu.

Mengulas kedegilan penduduk itu, Mukhriz berkata, sewajarnya mereka yang menghuni tanah rizab sungai akur dan memberikan kerjasama sepenuhnya kerana projek itu adalah untuk kesenangan bersama.

“Mereka sepatutnya mengambil iktibar banjir besar di Kedah sebelum ini terutama pada 2010 lalu, selain kejadian bencana di Kelantan, Terengganu, Perak dan Pahang mutakhir ini.

“Mereka sepatutnya sedia berpindah dan memberi laluan kepada projek tebatan banjir,” katanya.